

Pakar ekonomi AS harap Malaysia bantu basmi kemiskinan

UM - 14/3/2007

KUALA LUMPUR 13 Mac - Pakar ekonomi terkemuka dari Amerika Syarikat (AS), Profesor Jeffrey Sachs berharap Malaysia terlibat secara serius bagi membantu mengurangkan kemiskinan sebahagian besar penduduk dunia.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed berkata, harapan tersebut dinyatakan semasa persidangan video antara Sachs dengan beliau pada majlis penutup Bengkel Kebangsaan Kajian Kemiskinan di sini, hari ini.

"Sachs berbangga kerana Malaysia adalah satu-satunya negara yang meletakkan sasaran menghapuskan kemiskinan tegar pada 2010 berbanding sasaran dunia pada 2025," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menutup bengkel berkenaan yang dianjurkan oleh Pusat Kajian Kemiskinan dan Pembangunan Universiti Malaya (PKKPUM) di sini hari ini.

Bengkel dua hari itu dihadiri 120 pengubal dasar, tokoh akademik dan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bertujuan mengkaji cara-cara memperkemas lagi dasar pembasmian kemiskinan kerajaan.

Sachs adalah pemegang pertama Kursi Profesor Diraja Ungku Aziz di Universiti Malaya (UM) sejak November lalu yang bertanggungjawab terhadap PKKPUM.

Beliau yang kini bertugas di Universiti Columbia, AS adalah peneraju Projek Pembangunan Millennium yang mendapat pembiayaan RM1.75 bilion dari Bank Dunia bagi menghapus kemiskinan di benua Afrika.

Mustapa berkata, sehubungan itu PKKPUM yang kini merupakan pusat kebangsaan bagi kajian kemiskinan akan dinaik taraf supaya bersifat lebih antarabangsa.